

PANDUAN MENANAM KACANG PANJANG

PENYEDIAAN TANAH

Di Ladang

Bajak dan gemburkan tanah sedalam 15 cm ke 22 cm (6 in ke 9 in) supaya pertumbuhan akar baik. Sediakan batas berukuran 12 m (4 kaki) lebar, 25 cm (10 in) tinggi dan panjangnya mengilut keadaan kawasan. Jarak antara batas ialah 60 cm (2 kaki). Gaulkan 50 kg tahi ayam reput kedalam tanah bagi kawasan 100meter persegi.

Dalam Pasu dan Bekas

Gunakan tanah campuran 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput atau kompos dan 1 bahagian [asir. Isikan pasu dengan tanah campuran tersebut sehingga 5 cm dari permukaan pasu.

MENANAM

Di Ladang

Tanam 2 biji benih selubang dalam dua barisan dengan jarak 60 cm (2 kaki) antara barisan dan 45 cm (18 in) antara pokok.

Setelah benih bercambah dan membesar tinggalkan 1 pokok selubang sahaja. Sebanyak 70 g biji benih diperlukan untuk kawasan seluas 100 meter persegi (1000 kaki persegi)

Dalam Pasu dan Bekas

Tanam 2 biji benih sedalam 2.5 cm (1 in). Selepas 2 minggu ditanam tinggalkan satu pokok sahaja dalam satu pasu.

MENYEDIA JUNJUNG

Di Ladang

Sokong anak-anak pokok yang berumur 3 minggu dengan menggunakan kayu pancang berukuran 2 m (6.5 kaki). Condongkan kayu-kayu sokongan supaya bertentangan dan ikat di bahagian atas. Lentangkan kayu-kayu pada tiap-tiap sudut yang bertemu. Pastikan anak-anak pokok meliliti kau sokongan.

Dalam Pasu dan Bekas

Gunakan kayu pancang berukuran 2 m (6.5 kaki). Pastikan anak pokok meliliti kayu sokongan.

PENJAGAAN

Menyiran Air

Siram tanaman di ladang atau pasu pada waktu pagi dan petang setiap hari kecuali hari hujan.

Membaja

Di Ladang

Gunakan baja kimia NPK 12:12:12:17:2 sebanyak 7 kg bagi setiap 100 m (1000 kaki) persegi. Baja ini dibahagi kepada 3 kali pembajaan iaitu pada minggu ke-2, 4 dan 7 selepas menanam.

Dalam Pasu dan Bekas

Tabur 1 sudu the (5 kg) baja NPK 12:12:17:2 sepasu setiap minggu.

MERUMPUT

Kawalan rumpai perlu dijalankan sepanjang masa untuk mengelakkan persaingan tanaman dengan rumpai.

KAWALAN PENYAKIT DAN SERANGGA

Untuk kawalan ulat pengorek buah sembur jika perlu dengan racun serangga seperti carbaryl, 0.1 % bahan aktif.

Untuk kawalan bintik berpusar, sembur dengan mancozeb, 0.1 % b.a.

PENUAIAN

Di Ladang

Pungutan hasil pertama ialah pada 6 minggu selepas menanam. Kutip kacang sebelum biji terbunjur. Kutip 2 hari sekali dalam masa 6 minggu. Hasil dianggarkan sebanyak 100 hingga 175 kg bagi 100 meter persegi. Dengan harga purata antara RM 4 – RM 6 /kg

Dalam Pasu dan Bekas

Anggaran hasil ialah 0.5 kg sepokok.